



18 Februari 2015
18 February 2015
P.U. (A) 36

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (SISTEM PREMIUM BERBEZA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT) (PINDAAN) 2015

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (DIFFERENTIAL PREMIUM SYSTEMS IN RESPECT OF DEPOSIT-TAKING MEMBERS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (SISTEM PREMIUM BERBEZA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT) (PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 53 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [Akta 720], Perbadanan membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) (Pindaan) 2015.**

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2015.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011 [P.U. (A) 34/2011], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dengan menggantikan takrif “anggota penerima deposit baru” dengan takrif yang berikut:

“anggota penerima deposit baru” ertiaya suatu institusi kewangan yang disifatkan menjadi institusi anggota menurut perenggan 36(1)(b) Akta bagi tempoh 12 bulan atau kurang, yang tempoh itu berakhir pada 31 Disember tahun taksiran pertamanya tetapi tidak termasuk—

- (a) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang berasal daripada suatu institusi kewangan yang menjalankan suatu perniagaan perbankan Islam yang

diluluskan di bawah subseksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*];

- (b) suatu anggota penerima deposit digabung sebagaimana yang diperihalkan dalam subperenggan 16(1) Jadual; dan
- (c) suatu anggota penerima deposit yang bergabung sebagaimana yang diperihalkan dalam subperenggan 16(3) Jadual.”.

Pindaan peraturan 3

3. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “nisbah” dengan perkataan “markah”; dan
 - (b) dalam subperaturan (2), dengan memotong perkataan “atau perniagaan kewangan Islam” di mana-mana juga terdapat.

Pindaan peraturan 4

4. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam subperaturan (1), dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “disebut” dengan perkataan “dinyatakan” di mana-mana juga terdapat; dan
 - (b) dalam subperaturan (2), dengan memotong perkataan “atau perniagaan kewangan Islam” di mana-mana juga terdapat.

Pindaan peraturan 7

5. Subperaturan 7(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “nisbah” dengan perkataan “penunjuk aras”; dan

(b) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “7” dengan perkataan “12”.

Pindaan peraturan 8

6. Subperaturan 8(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “atau selainnya mengkredit ke dalam akaun” dengan perkataan “kepada”.

Pindaan peraturan 9

7. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan memasukkan selepas perkataan “terhadap” perkataan “permohonan”.

Pindaan Jadual

8. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL

[Peraturan 2, 3, 4 dan 7]

Tafsiran

1. Dalam Jadual ini—

“jumlah aset” ertinya jumlah aset dalam kunci kira-kira dan nilai kredit yang bersamaan dengan nilai di luar kunci kira-kira suatu anggota penerima deposit;

“keuntungan” ertinya keuntungan atau kerugian sebelum cukai dan zakat suatu anggota penerima deposit;

“pinjaman” berhubung dengan suatu anggota penerima deposit yang memberi apa-apa kemudahan kredit konvensional ertinya apa-apa kemudahan kredit konvensional itu, dan berhubung dengan suatu anggota penerima deposit yang memberi apa-apa kemudahan pembiayaan Islam, ertinya kemudahan pembiayaan Islam itu.

Pemarkahan keseluruhan bagi anggota penerima deposit

2. Dalam memutuskan pemarkahan suatu anggota penerima deposit, Perbadanan hendaklah mengambil kira kriteria kuantitatif dan kriteria kualitatif yang dinyatakan dalam ruang (1) mengikut wajaran yang dinyatakan dalam ruang (2) dan penunjuk aras kriteria yang dinyatakan dalam ruang (3) seperti yang berikut:

<i>Kriteria (1)</i>	<i>Wajaran (2)</i>	<i>Penunjuk aras kriteria (3)</i>
Kriteria kuantitatif	60%	<p>A. Penamparan modal (rujuk subperenggan 4(1) dan perenggan 6)</p> <p>B. Prestasi dan kedudukan kewangan seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) nisbah pulangan atas aset berwajaran risiko; (b) volatiliti pulangan yang diselaraskan dengan purata keuntungan; (c) nisbah jumlah pinjaman terjejas; (d) nisbah rizab kerugian pinjaman; (e) profil penumpuan pinjaman; (f) nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset; (g) nisbah pertumbuhan jumlah aset; (h) nisbah pinjaman kepada deposit; dan (i) komposisi pendeposit individu (rujuk subperenggan 4(2) dan perenggan 7)
Kriteria kualitatif	40%	<ul style="list-style-type: none"> (a) Taraf pengawasan; dan (b) Kriteria kualitatif lain (rujuk perenggan 9)